

1100033064 Kolej


64 Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 24 FPE 1 2003



1100033064

Laporan akhir latihan industri di Pejabat Tanah Kemaman
Terengganu / Syamsul Bahari Mazaran.



PERPUSTAKAAN
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

LÍ
24
PÉ
1
503

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PEJABAT TANAH KEMAMAN
TERENGGANU**

OLEH

**SYAMSUL BAHARI BIN MAZARAN
SARJANA MUDA POLISI AWAM DAN SEKITARAN
UK5915**

Laporan Latihan Industri Di Serahkan Kepada

PUSAT PENGEMBANGAN AJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHRAH

**JABATAN EKOLOGI
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)**

2003

1100033064

Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya SYAMSUL BAHARI BIN MAZARAN mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama : SYAMSUL BAHARI BIN MAZARAN (UK 5915)

Tarikh : 30. September. 2003

Disahkan Oleh :

DR. ASYRAF BIN HAJI ABDUL RAHMAN

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

DEDICATION

Teristimewa buat Ayahanda dan Bonda tercinta:

Mazaran Bin Tahir

Sa`erah Binti Taib

Buat adinda tersayang :

Sakinah

Saerma

Muhammad Khairu Nizam

Terima kasih di atas pergorbanan dan dorongan yang diberikan selama

Ini.....

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH ZAHIRAH

PERGHARGAAN

ASSALAMUALAIKUM w.b.t

Syukur kepada Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya dapat pelatih menyiapkan laporan industri ini dengan penuh keazaman yang tinggi. Laporan industri ini memaparkan tentang pengalaman dan aktiviti dijalankan semasa menjalani latihan industri di Pejabat Tanah Kemaman (PTK) Kemaman. Sesungguhnya penghasilan laporan ini adalah hasil daripada daya usaha inisiatif semua pihak dan dengan sumbangan inspirasi ilham serta daya intelek.

Pertama sekali jutaan terima kasih khas untuk Penyelia Industri, Encik Sulaiman Bin Harun (CC) merangkap ketua kerani besar. Beliau banyak memberi sumbangan kepada pelatih dalam selok belok alam pekerjaan di Pejabat Tanah Kemaman serta memberi dorongan sepanjang tempoh latihan dijalankan. Pengalaman ini terpahat dalam hati pelatih.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Dr. Asyraf Bin Haji Abdul Rahman yang bertindak sebagai Penyelia KUSTEM. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada pelatih bagi menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga kepada Tuan haji Mat Akil Bin Haji Mat iaitu Ketua Penolong Pentadbir Tanah (KPPT), kakitangan Pejabat Tanah Kemaman dari semua bahagian yang terlibat secara langsung atau tidak. Semoga jasa baik kalian hanya Allah sahaja yang membalaunya.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pejabat Tanah Kemaman yang telah ditubuhkan selama 21 tahun. Sebuah organisasi awam dibawah kerajaan negeri. Pejabat Tanah Kemaman telah memenangi anugerah Kualiti pada tahun 1999 telah menyingkap betapa indahnya Pejabat Tanah Kemaman.

Walaupun begitu, tahun berganti tahun, pentadbir tanah silih berganti. Kecermerlangan itu tidak diteruskan. Banyak masalah yang datang melanda serti masalah pekerja, masalah kemudahan, masalah pelanggan, masalah hubungan diantara kerajaan negeri dengan kerajaan pusat. Semua masalah berkenaan semakin hari teruk. Walaupun ada usaha untuk mengatasi masalah berkenaan.

Usaha telah dijalankan untuk mengatasi masalah berkenaan tetapi kebanyakkan menemui kegagalan ekoran daripada sikap kakitangan yang tidak bersungguh-sungguh dalam mengatasi masalah tersebut. Kursus motivasi, belajar komputer, lawatan semua hanya satu pembaziran yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan negeri. Kerana semua masalah berkenaan boleh diatasi sekiranya kakitangan itu sendiri yang ingin berubah dan memajukan produktiviti kerja yang tinggi kepada organisasi.

Penemuan utama ialah masalah kewangan yang meruncing terpaksa dihadapi oleh pentadbir tanah khususnya di Kemaman. Pendapatan dalam negeri yang terbatas dan bantuan dari kerajaan pusat hanya untuk pentadbiran pusat sahaja. Sumber kewangan negeri Terengganu hanya datang dari hasil cukai tanah, pelancongan dan sebangainya. Pengagihan kewangan akan dilakukan kepada perkara yang perlu sahaja. Kerana kerajaan tidak mahu berlaku pembaziran.

Ideologi dan pengurusan tanah kerajaan negeri dan kerajaan pusat yang berbeza merumitkan lagi persefahaman diantara kedua belah pihak. Apabila kedua belah pihak mengalami konflik yang menjadi mangsa adalah masyarakat tempatan. Oleh itu demi kebaikan bersama kerajaan negeri dan kerajaan pusat perlu mengatasi masalah dan membuka lebaran baru untuk sektor awam amnya. Bagi Pejabat Tanah Kemaman ini adalah satu peluang untuk berhijrah ke arah yang lebih baik